



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisam@moh.gov.my

Rujukan: KKM-600-29/5/14 Jld 5 (75)
Tarikh : 27 April 2020

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 2 /2020:
ARAHAN NOTIFIKASI KES-KES KANSER SECARA ATAS TALIAN

TUJUAN PEKELILING

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan arahan notifikasi kes-kes kanser secara atas talian menggunakan Modul 2b (M2b) dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) di semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta di seluruh negara.

LATAR BELAKANG

2. Pengumpulan data kanser di peringkat kebangsaan telah bermula sejak Januari 2007. Walaubagaimanapun, pengumpulan data tersebut adalah dilakukan secara manual. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membangunkan Sistem *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW) sebagai satu sistem bersepadu yang menyediakan platform pengumpulan data secara atas talian. Justeru itu, peralihan daripada kaedah pengumpulan data kanser secara manual kepada kaedah atas talian ini adalah penting serta selari dengan wawasan kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang efektif dan efisien.

PELAKSANAAN

3. Bagi maksud Pekeliling Notifikasi ini, semua Pegawai Perubatan berdaftar dan pegawai sokongan perubatan berdaftar di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta yang terlibat dalam membuat diagnosa dan perawatan kes kanser perlu **melaporkan semua kes kanser** kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Notifikasi hendaklah dihantar secara atas talian menggunakan Modul M2b dalam SMRP, Kementerian Kesihatan Malaysia.

5. Jabatan Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) hendaklah memantau jumlah notifikasi dan memastikan setiap kes kanser di negeri masing-masing telah dihantar notifikasi.
6. Jabatan Kesihatan Negeri (Perubatan) hendaklah menyokong penggunaan notifikasi kes kanser secara atas talian menggunakan M2b dalam SMRP di semua fasiliti kesihatan berkaitan di negeri masing-masing.
7. Pengarah / Pengurus fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta yang berkaitan hendaklah memastikan semua kes kanser di fasiliti masing-masing dihantar notifikasi secara atas talian dan data kanser tersebut diberi kod ICD-10 serta ICD-O.
8. Bagi tujuan penerangan lanjut arahan notifikasi kes kanser secara atas talian ini, semua pegawai yang terlibat dalam pengurusan kes kanser di semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta perlu merujuk kepada **Lampiran 1** seperti yang disertakan.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling Notifikasi ini berkuatkuasa bermula pada surat ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

10. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Notifikasi ini, maka Surat Arahan melaporkan semua kes-kes kanser yang didiagnosa di seluruh negara kepada Registri Kanser Kebangsaan bertarikh 21 November 2012, Rujukan : (13) KKM-171/BKP/10/49/0723 Jld 2 adalah dibatalkan.

PERTANYAAN

11. Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada –

Unit Kanser
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
No. Telefon : 03-88924411
No. Faksimili: 03-88924526
E-mel : unit.kanser@moh.gov.my

12. Diharapkan usaha pengumpulan data kanser di Malaysia dapat dipertingkatkan dan laporan statistik kanser yang lebih komprehensif akan diperolehi dengan pelaksanaan pekeliling ini.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Pengarah Bahagian Perancangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Kesihatan Malaysia
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
8. Ketua Pengarah Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
9. Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Kementerian Pertahanan Malaysia
10. Presiden
Persatuan Hospital Swasta Malaysia

**PENERANGAN ARAHAN NOTIFIKASI SEMUA KES KANSER
SECARA ATAS TALIAN**

LATAR BELAKANG

1. Notifikasi kanser adalah bertujuan untuk pengumpulan data kes-kes kanser di Malaysia bagi digunakan dalam analisa dan penerbitan laporan statistik kanser di Malaysia.
2. Bagi mendapatkan statistik sebenar kanser di negara ini, kesemua maklumat kes-kes kanser perlu diperolehi. Justeru itu, adalah penting bagi semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta yang melakukan diagnosis serta merawat kes-kes kanser untuk melaporkan kes-kes kanser tersebut.
3. Pengumpulan data kanser di peringkat kebangsaan telah bermula sejak Januari 2007. Walaubagaimanapun, pengumpulan data tersebut adalah dilakukan secara manual. Pada tahun 2016, Sistem *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW) telah dilancarkan sebagai satu sistem bersepadu yang menyediakan platform pengumpulan data secara atas talian. Keperluan untuk peralihan daripada kaedah pengumpulan data kanser secara manual kepada kaedah atas talian ini adalah selari dengan wawasan kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang efektif dan efisien.

TUJUAN

4. Semua pegawai-pegawai perubatan berdaftar dan pegawai-pegawai sokongan perubatan berdaftar di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta yang terlibat dalam membuat diagnosis dan perawatan kes kanser perlu melaporkan semua kes baharu kanser kepada Registri Kanser Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia secara atas talian melalui Modul M2b dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP).

TAFSIRAN

5. Bagi maksud Pekeliling Notifikasi ini:
 - a) **“Pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan kes kanser”** terdiri daripada pegawai-pegawai perubatan berdaftar dan pegawai-pegawai sokongan perubatan berdaftar di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta yang terlibat dalam membuat diagnosis dan perawatan kes kanser.

- b) “**Kes-kes kanser primer**” adalah ditakrifkan sebagai kes-kes kanser yang melibatkan tapak asal (organ atau tisu) di mana kanser tersebut bermula.
- c) “**Kes-kes kanser sekunder/metastatic cancer**” adalah kes-kes kanser yang merebak dari tapak asalnya ke bahagian badan yang lain.

METODOLOGI

- 6. Kes-kes kanser yang perlu dihantar notifikasi adalah:
 - a) Kes-kes kanser primer yang telah dibuat diagnosa di semua fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta;
 - b) Kes-kes kanser primer baharu (*new primary*) dengan diagnosa yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar;
 - c) Kes-kes kanser primer bagi warganegara dan bukan warganegara;
 - d) *Unknown primary cancer*; dan
 - (e) Kes-kes kanser yang mempunyai lebih daripada satu jenis diagnosa kanser primer (*multiple primary*). Notifikasi perlu dihantar bagi setiap jenis diagnosa kanser primer tersebut.
- 7. Kes-kes yang tidak perlu dihantar notifikasi adalah:
 - a) Kes-kes *benign tumour*;
 - b) Kes-kes kanser berulang (*recurrent cancer*); dan
 - c) Kes-kes kanser sekunder (*secondary cancer*)/*metastatic cancer*.
- 8. Notifikasi hendaklah dihantar satu (1) kali sahaja untuk setiap kanser primer.
- 9. Notifikasi hendaklah dihantar secara **atas talian** menggunakan **M2b** dalam SMRP oleh Pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan kes kanser di semua fasiliti kesihatan.

PELAKSANAAN

- 10. Pegawai-pegawai perubatan berdaftar yang terlibat dalam pengurusan kes kanser di semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta hendaklah mendapatkan akses daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menggunakan M2b dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP). Rujuk Surat Garis Panduan

Mengakses MyHDW, SMRP, PRIS dan GIS versi 1.0, melalui penerbitan KKM <https://myhdw.moh.gov.my/public/home>.

11. Pegawai-pegawai Perubatan berdaftar yang terlibat dalam pengurusan kes kanser di semua **fasiliti kesihatan KKM** diwajibkan untuk melaporkan semua kes kanser yang dirawat di fasiliti masing-masing.

12. Pegawai-pegawai perubatan berdaftar yang terlibat dalam pengurusan kes kanser di semua **fasiliti kesihatan kerajaan lain (Pengajian Tinggi dan Pertahanan)** serta **swasta** diminta untuk turut sama melaporkan semua kes kanser yang dirawat di fasiliti masing-masing. Ini adalah untuk memastikan kelengkapan data supaya laporan yang dihasilkan dapat memberikan gambaran sebenar statistik kanser di Malaysia.

13. Pegawai-pegawai perubatan berdaftar yang terlibat dalam pengurusan kes kanser di semua fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta hendaklah membuat notifikasi secara atas talian untuk semua kes kanser seperti yang dinyatakan dalam **Perkara 6** di atas.

14. Fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta yang tidak terlibat secara langsung dalam pengesahan diagnosis kanser tetapi terlibat dalam perawatan kes kanser juga disarankan untuk menghantar notifikasi sekiranya mempunyai maklumat diagnosis yang lengkap (untuk kes-kes kanser yang belum pernah dihantar notifikasi).

15. Pengekodan data kanser menggunakan sistem ICD-10 dan ICD-O atau mana-mana *Health Informatics Standards* yang lain (jika berkaitan) hendaklah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai yang terlatih di fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta masing-masing.

Disediakan oleh:

Unit Kanser, Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit,
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM
21 April 2020

dengan Kerjasama:

- i. Jabatan Registri Kanser Kebangsaan, Institut Kanser Negara
- ii. Pusat Informatik Kesihatan, Bahagian Perancangan, KKM